

MAHATHIR

1978

72

BANTING, 19 JAN. (BERNAMA) - MALAYSIA TELAH MENJADI SALAH SATU PENGELUAR ALAT ELETRONIK +SEMI-CONDUCTORS+ YANG TERBESAR DI DUNIA DAN KEPERCAYAAN SYARIKAT-SYARIKAT MULTI-NATIONAL TERHADAP NEGARA INI JUGA SEMAKIN KUAT.

MENYATAKAN DEMIKIAN HARI INI, TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERKATA BELIAU YAKIN NEGARA INI AKAN DAPAT MENGEKALKAN KEDUDUKANNYA DALAM PIDANG TERSEBUT.

KATANYA BELIAU TELAH MENDAPAT TAHU PAHWA PEBERAPA BUAH SYARIKAT YANG BESAR DARI AMERIKA SYARIKAT TELAH MENUNJUKKAN MINAT UNTUK MENAMBAHKAN PELABURAN MEREKA DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DALAM UCAPANNYA DI UPACARA PERASMIAN KILANG ELETRONIK NEC (M) SDN. BHD., SEBUAH SYARIKAT JEPUN, DI TELOK PANGLIMA GARANG DISINI. UCAPAN TERSEBUT DI SAMPAIKAN OLEH TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, ENCIK ABDUL MANAN OSMAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENUBUHAN KILANG TERSEBUT MELAMBAHKAN KEPERCAYAAN PELABUR-PELABUR ASING, KHASNYA JEPUN, TERHADAP KESTABILAN EKONOMI DAN POLITIK NEGARA INI. - BERSAMBUNG 1005/BW

EE

B505

MAHATHIR 2 BANTING

JEPUN TELAH MENGATASI LAIN-LAIN NEGARA DI DALAM JUMLAH PELABURAN DALAM KILANG-KILANG PERUSAHAAN DI MALAYSIA - PELABURAN NEGARA TERSEBUT DALAM PROJEK-PROJEK YANG TELAH DILULUSKAN BERJUMLAH \$434.7 JUTA PADA AKHIR TAHUN 1976.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA APA YANG MENGGALAKKAN IALAH KESANGGUPAN SYARIKAT NEC ITU MELETAKKAN KILANGNYA DI KAWASAN YANG DI ANGGAP BELUM BERAPA MAJU SEPERTI TELOK PANGLIMA GARANG.

KATANYA INI MERUPAKAN SATU LAGI KEJAYAAN YANG NYATA TERHADAP DASAR KERAJAAN UNTUK MENYELERAKKAN PROJEK-PROJEK PERUSAHAAN DI KAWASAN KURANG MAJU DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN SEDAR TENTANG MASALAH-MASALAH SEPERTI KEKURANGAN KEMUDAHAN +INFRASTRUCTURE+ OLEH KILANG-KILANG PERUSAHAAN, KHASNYA KILANG-KILANG YANG DI TEMPATKAN DI KAWASAN-KAWASAN YANG SEDANG DI MAJUKAN.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN SENTIASA MENGAMBIL BERAT TERHADAP MASALAH-MASALAH INI DAN AKAN TERUSAHA BERSAMA DENGAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN INFRASTRUCTURE YANG MENCUKUPI. - BERSAMBUNG 1010/BW

MAHATHIR 3 BANTING

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYENTUH TENTANG KEGELISAHAN DI KALANGAN KILANG-KILANG YANG DI DIRIKAN DI TELOK PANGLIMA GARANG KERANA KAWASAN INI BELUM DI WARTAKAN SEBAGAI KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS SEPERTI YANG DI CADANGKAN.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PERKARA ITU TELAH PUN DI BANGKITKAN OLEH KEMENTERIANNYA DENGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR DAN JABATAN YANG BERKENAAN.

BELIAU BERHARAP PERKARA TERSEBUT AKAN DAPAT DI SELESAIKAN TIDAK BERAPA LAMALAGI KERANA KEMENTERIANNYA ADALAH MEMANDANG BERAT KEATAS KESULITAN-KESULITAN DALAM MENDAPATKAN PENGECUALIAN CUKAI TERHADAP KOMPONEN-KOMPONEN DAN BAHAN MENTAH YANG TELAH DI POHONKAN OLEH SYARIKAT DI KAWASAN INI.

KILANG SYARIKAT NEC TERSEBUT MELIPATKAN PELABURAN SEJUMLAH \$14 JUTA YANG AKAN DI TAMBAH MENJADI \$17 JUTA PERTENGAHAN TAHUN INI.

IANYA TELAH MEMBERI PEKERJAAN KEPADA 500 ORANG TEMPATAN DAN JUMLAH INI AKAN BERTAMBAH TIDAK TERAPA LAMA LAGI.

PROJEK ITU MERUPAKAN YANG KEDUA DI JALANKAN OLEH SYARIKAT NEC DI NEGARA INI -- PROJEK PERTAMA MELIPATKAN PELABURAN SEJUMLAH \$800,000 OLEH SYARIKAT ITU DALAM SATU USAHASAMA DENGAN PERNAS.

-- BERSAMBUNG 1010/RH

MAHATHIR 4 BANTING

DR. KOJI KOBAYASHI BAGI PIHAK NIPPON ELECTRIC CO. LTD., (NEC) DAN NEC MALAYSIA SENDIRIAN BERHAD DALAM UCAPANNYA BERKATA NEC TELAH MEMBEKALKAN BERBAGAI ALAT TELEKOM, ALAT PENYIARAN DAN ELEKTRONIK PARA PENGGUNA KE NEGARA INI DALAM MASA LEBIH SEPULOH TAHUN LALU.

TIGA TUJUAN MENDIRIKAN KILANG INI DI MALAYSIA DALAM TAHUN 1974 JALAH, DARI SEGALA SEGI MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA YANG AMAT SESUAI SEBAGAI PUSAT BAGI PEMBEKALAN ALAT ELEKTRONIK UNTUK PASARAN DUNIA.

KEDUA, SIKAP POSITIF KERAJAAN MALAYSIA TERHADAP PENANAMAN MODAL SEBERANG LAUT DIDAPATI SANGAT MENARIK DAN KETIGA, PENANAMAN MODAL-NYA DI MALAYSIA DIBUAT SELARAS DENGAN DASAR MALAYSIA YANG MEMENTING-KAN PENGGALAKAN EKSPORT, PENDAPATAN PERTUKARAN ASING DAN UNTUK MENGURANGKAN PENGANGGURAN.

NEC MALAYSIA MENJALANKAN KERJA PENGELUARANNYA DALAM BULAN MEI TAHUN 1976. IA DIMODALKAN DENGAN M\$6 JUTA DAN MEMBERI PEKERJAAN KEPADA 450 ORANG.

JUALAN BAGI TAHUN KEWANGAN 1977 DIANGGARKAN BERJUMLAH LEBIH KURANG M\$11 JUTA. HASIL KELUARANNYA DI EKSPORT 100 PERATUS.

- BERSAMBUNG 1014/BW

EE

B508

MAHATHIR 5 BANTING

MENURUTNYA LAGI, SEKARANG ALAT TRANSISTER SEDANG DIHASILKAN DI SINI DAN PENGHASILAN IC SEDANG DIRANCANGKAN JUGA BAGI MASA HADAPAN.

DR. KOJI KOBAYASHI SUKACITA MENDAPAT TAHU BAHAWA DENGAN KEMAMPUAN CEMERLANG SEMUA

PEKERJA DI SINI, MUTU BARANGAN NEC MALAYSIA TELAH MENCAPI TARAF YANG SETANDING DENGAN KILANG NEC SENDIRI. - BERNAMA

1018/BW